

6914

**Warisan: Jernal Persatuan Sejarah Malaysia:
Cawangan Negeri Sembilan 17 (1993)**

PERISTIWA PARIT TINGGI

(Ruangan Lorekan Remaja)

Oleh


Fadzli bin Mohd. Isa, Khairul Azuan bin Mat Derus,

Kamarul Zaman bin Unos


*Sekolah Menengah Dato' Abdul Samad
Tanjong Ipoh.*

Pengenalan

Kampung Parit Tinggi terletak kira-kira 6 kilometer dari pekan Kuala Pilah. Keluasannya ialah kira-kira 10,000 hektar. Kampung ini mempunyai penduduk kira-kira 236 orang dan mempunyai kira-kira 34 buah rumah.



Peta di atas menunjukkan situasi Kampung Parit



Gambar diatas menunjukkan simpang masuk ke Kampung Parit Tinggi.

Semasa zaman penjajahan British dalam lingkungan tahun 1930-1940an, Kawasan Parit Tinggi ini didiami oleh kaum Cina yang membuka kawasan ini yang dahulunya juga digelar 'Tongsan Kecil'. Orang-orang Cina ini telah membuka kawasan ini secara haram kerana mereka dapati bahawa kawasan ini banyak mengandungi bijih timah. Mereka melombong bijih dengan cara 'lombong siam'. Penempatan tersebut didiami oleh kira-kira 1000 Orang Cina.

Pada akhir tahun 1941 ketika itu Jepun telah menyerang Tanah Melayu dan dari situlah bermulanya pemerintahan Jepun secara rasmi di Tanah Melayu. Orang Jepun sangat anti orang Cina. Ini berikutan dari peristiwa penaklukan Manchuria oleh Jepun dan menukarkan namanya kepada 'Mancuko'. Permusuhan antara Jepun dan Cina terus menular hingga ke Tanah Melayu.

Kesan dari itu ramai orang Cina telah menyertai Gerakan MPAJA dan senjata-senjata mereka telah dibantu oleh British yang bertujuan untuk menumpaskan Jepun. Pada masa pemerintahan Jepun kebanyakan orang Melayu telah memihak dan membantu tentera Jepun.

Di Parit Tinggi juga turut berlaku permusuhan di antara tentera Jepun dan orang Cina yang menjadi ahli MPAJA dan menentang tentera Jepun secara gerila. Peristiwa ini bermula apabila Gerila MPAJA telah menyerang balai polis Kuala Pilah yang diduduki oleh tentera Jepun (bangunan itu sekarang telah diruntuhkan dan di kawasan tersebut telah didirikan sebuah bangunan Bank Pertanian). Selepas menyerang balai polis itu Gerila MPAJA tadi telah bersembunyi di kawasan Parit Tinggi yang dipercayai merupakan markas Gerila MPAJA. Akibat dari peristiwa tersebut tentera Jepun telah bertindak balas dengan menangkap semua orang Cina yang berada di sekitar daerah Kuala Pilah untuk disoal-siasat. Tentera-tentera Jepun juga telah memasuki semua kampung untuk mencari Gerila MPAJA yang terbabit. Orang Cina yang mempunyai cap (tattoo) dilengan akan terus dipenggal kepalanya kerana mereka ini merupakan ketua yang menyerang balai polis tersebut. Semasa gerakan mencari orang-orang yang terlibat, orang Melayu yang mempunyai rupa seperti orang Cina hendaklah memakai songkok. Oleh yang demikian, ramallah orang Cina yang memakai songkok. Apabila menyedari akan hal tersebut, tentera Jepun telah menyuruh mereka menanggalkan seluar, jika didapati mereka tidak berkhatan maka orang tersebut akan terus ditangkap. Untuk memastikan gerila MPAJA tidak melepaskan diri, tentera Jepun telah membuat satu Pos kawasan besar untuk berkawal di simpang masuk ke kampung ini.

Apabila kawalan yang ketat dikenakan oleh tentera Jepun orang Cina yang tidak tahan telah membawa barang-barang mereka berpindah ke kawasan Parit Tinggi. Oleh kerana bantuan yang diberikan oleh perisik Jepun (Kempetai), Jepun telah mendapat tahu bahawa kawasan Parit Tinggi ini merupakan pusat atau markas MPAJA, tentera Jepun telah pergi mengepung kawasan tersebut. Orang-orang Cina yang keluar dari rumah akan ditembak atau dipancung, manakala rumah-rumah mereka telah dibakar bersama-sama penghuninya tidak kira sama ada kanak-kanak, perempuan mahupun orang-orang tua. Selepas pembunuhan orang Cina secara beramai-ramai itu, mayat-mayat tersebut telah dibiarkan bergelimpangan dimerata-rata tempat di kawasan tersebut. Persatuan Cina daerah Kuala Pilah telah mengumpul semua mayat-mayat tersebut dan menggali sebanyak tiga buah lubang untuk memuatkan kira-kira 600 orang mayat yang telah dibunuh dalam peristiwa tersebut, cuma seorang kanak-kanak sahaja yang telah terselamat dalam peristiwa tersebut di mana ketika kanak-kanak itu melarikan diri, dia telah ditikam dibahagian perutnya. Apabila kanak-kanak tersebut telah ditikam, tentera Jepun yang menyangkakan bahawa budak tersebut telah mati beredar dari siti. Kanak-kanak tersebut

dipercayai sekarang tinggal di Perak dan telah menjadi Pengurus lombong di sana. Pada tahun 1983 kanak-kanak inilah (yang pada masa tersebut telah berusia kira-kira 60 tahun) dengan kerjasama Persatuan orang-orang Cina daerah Kuala Pilah telah menggali semula lubang tersebut dan telah menjumpai semula tulang-tulang mereka yang telah dibunuh di dalam peristiwa tersebut. Kerja-kerja menggali lubang tersebut dilakukan oleh empat orang pemuda tempatan yang diupah khas. Sebelum itu seorang pawang telah dipanggil yang bertujuan mengelakkan dari berlaku perkara-perkara yang tidak diinginkan. Tulang-tulang tersebut telah dipindahkan di kawasan tanah perkuburan orang-orang Cina yang berdekatan dengan menggunakan kira-kira tiga buah lori untuk mengangkut tulang-tulang ini ke tanah perkuburan. Kanak-kanak yang telah terselamat inilah yang telah membongkar kembali kisah kekejaman tentera Jepun yang telah membunuh semua orang Cina di Parit Tinggi.




Gambar diatas menunjukkan salah satu dari tiga buah lubang yang telah digali semula

Selepas Jepun menyerah kalah pada Ogos 1945, sementara British ingin masuk semula ke Tanah Melayu, Kumpulan Bintang Tiga (golongan yang menganut ideologi Komunis dari MPAJA) yang berperang secara gerila di dalam hutan telah keluar beramai-ramai untuk membalas dendam terhadap orang-orang yang menyokong pihak Jepun. Mereka telah mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu selama 14 hari.




Enik Hussin b. Bakar merupakan koresponden yang pertama telah ditemuramah oleh penulis. Lubang tersebut terletak di belakang rumahnya dan beliau sendiri telah menyaksikan kerja-kerja menggali lubang tersebut yang mengambil masa kira-kira seminggu. Beliau kini berumur kira-kira 60 tahun dan merupakan Ahli Jawatankuasa Kebajikan Kampung (JKKK)



Gambar menunjukkan pintu masuk ke Tanah Perkuburan Cina



"Perkuburan Masyarakat Cina Kg. Beting yang derita. Dibina pada tahun masihi 10.11.1982. Terjadi pada 16.3.1942". Peribahasa yang tercatat pada sebelah kiri dan kanan bermaksud "Tumbuhan hidup subur. Harapan mereka agar kawasan perkuburan ini dipenuhi dengan rimbunan pohon-pohon hijau dan bunga-bunga, dengan itu roh yang sengsara itu akan aman damai".



Gambar menunjukkan tempat pembakaran kertas-kertas suci yang dipercayai sebagai penghubung kepada roh simati



Terjemahan maksud:


"Tugu peringatan penduduk Kg. Beting yang derita" makna peribahasa "Masyarakat cina yang masih hidup sekarang berharap semoga roh orang-orang Cina yang sudah mati masih mempunyai semangat yang tinggi sama seperti semasa mereka masih hidup. Mereka akan meneruskan perjuangan menentang penjajah walaupun mereka telah mati".

Terjemahan tulisan:

"Zaman pemerintahan Jepun 16hb. Mac. 1942, masyarakat cina yang terdiri daripada golongan tua dan muda, lelaki dan perempuan yang mati dalam sengsara. Berjumlah 675 orang mangsa. Dibina pada 15hb. Februari. 1982".

一九四二年三月十六日日治時期
港尾村莊華族同胞蒙難者男女老幼
總共陸佰柒拾伍名
一九八二年二月十五日建立

UNTUK MEMPERINGATI
MEREKA YANG TERKORBAN
DALAM PERISTIWA PARIT
TINGGI KUALA PILAN
PADA 16HB MAC 1942




En. Yahaya bin Yakin merupakan Ketua Kampung Parit Tinggi apda masa sekrang. Beliau lahir pada tahun 1929 dan pada masa kejadian tersebut beliau berumur kira-kira 13 tahun. Kini beliau berusia 64 tahun. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah Kebang-

saan Pilah sehingga darjah 5. Selepas itu beliau tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran kerana tentera Jepun telah memasuki Tanah Melayu. Pada Zaman pemerintahan Jepun beliau telah bekerja sebagai peon di pejabat tentera Jepun selama setahun lebih kemudian beliau telah dihantar bekerja di Juasseh untuk membuat kawasan kapal terbang mendarat. Beliau dan beberapa orang lagi telah dipaksa menggali akar-akar pokok getah kerana kawasan tersebut merupakan ladang getah semasa pemerintahan British. Beliau kemudiannya telah dihantar ke kawasan menternak tikus putih dan telah bekerja menjaga tikus tersebut selama 2 tahun. Selepas tamat tempoh 2 tahun menjaga tikus putih, beliau ditelah dihantar bekerja di dalam markas tentera Jepun di Port Dickson. Semasa bekerja di sinilah beliau melihat dan merasai sendiri keperitan berada di bawah penjajahan tentera Jepun. Untuk masuk ke dalam markas tersebut beliau terpaksa menggunakan pas. Beliau telah melihat sendiri bagaimana tentera-tentera Jepun melakukan kezaliman terhadap mereka

yang tidak bersalah. Peristiwa di kampung Parit Tinggi ini diharap sedikit sebanyak dapat menyedarkan kita semua bagaimana rasa pahit maungnya sewaktu berada di bawah pemerintahan penjajah. Semoga generasi pada hari ini mempunyai semangat untuk tidak membiarkan tanah air kita ini dijajah oleh pihak penjajah.

14hb. Oktober, 1993



Encik Yahya sedang menceritakan tentang peristiwa Pembunuhan di Parit Tinggi